

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD LATIFF BIN HAJI
AHMAD [MERSING]**
TARIKH : 23 MEI 2016
SOALAN :

YB Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan persepsi ibu bapa dan masyarakat pada hari ini yang enggan mengambil program vaksin atau suntikan imunisasi seperti yang disyorkan oleh Kementerian untuk anak-anak serta kesan daripada tindakan mereka terhadap masa depan anak-anak yang tidak mengambil suntikan tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia telah berjaya mengawal kebanyakan penyakit cegahan vaksin semenjak perkhidmatan imunisasi dimulakan pada tahun 1950an. Malah terdapat penyakit yang telah dibasmi seperti polio dan cacar atau *smallpox*. Kini kejadian penyakit cegahan vaksin kekal rendah kerana liputan imunisasi yang agak memuaskan telah memberikan kesan imuniti kelompok (*herd immunity*) yang baik.

Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini terdapat suara-suara yang menolak imunisasi atas berbagai alasan seperti mereka mengamalkan perubatan tradisional, meragui kandungan vaksin, bimbang dengan kesan sampingan vaksin dan sebagainya. Mereka pula cuba mempengaruhi orang lain supaya mempercayai dakwaan-dakwaan palsu mereka ini dan turut serta dalam agenda menolak vaksin.

Tindakan menolak vaksin ini hanya akan merugikan diri mereka khususnya anak-anak. Mereka terdedah kepada risiko jangkitan penyakit cegahan vaksin dan komplikasinya. Manakala imuniti kelompok pula akan berkurang menyebabkan masyarakat umumnya berisiko mendapat jangkitan. Kesan buruk ini pernah berlaku di barat China pada tahun 2011 apabila wabak polio melanda negara itu dan di England pada tahun 2013 dilanda wabak measles. Kedua-dua kejadian ini berpunca dari liputan imunisasi yang rendah.

Justeru, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru semua pihak mengambil cakna mengenai isu ini dan bersama membetulkan persepsi rakyat yang salah ini supaya nasib yang sama tidak melanda negara kita.